

04/09/2003

Benang, jarum ubah nasib penduduk

Zainudin Isa

"KALAU kita jual kemeja-T ini di Amerika Syarikat (AS), siapa sangka ini kerja tangan orang Kampung Kuala Pahang. Alhamdulillah, menerusi program gempur kemiskinan ini, satu sinar baru bakal menerangi kehidupan anak dan keluarga nelayan miskin di Kuala Pahang."

Begitulah harapan Menteri Pertahanan yang juga Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak, yang mahu melihat setiap rakyat, khususnya yang dibelenggu kemiskinan menikmati kehidupan lebih selesa.

Justeru, melalui cetusan ideanya, hari ini kira-kira 100 penduduk Kuala Pahang, terdiri daripada ibu tunggal, isteri dan anak nelayan, termasuk belia menganggur, menarik nafas lega apabila mula bekerja di pusat jahitan Program Gempur Kemiskinan yang julung kali diperkenalkan di kawasan Parlimen Pekan.

Lebih menarik lagi, inisiatif mewujudkan pusat jahitan membabitkan perbelanjaan hampir RM500,000 oleh Yayasan Sinar Malaysia (YSM), Yayasan Rahah dan kilang tekstil, Anata Knitting Industry (M) Sdn Bhd (Anata) dianggap projek perintis, 'Satu Kampung Satu Produk' seperti disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jadi, benarlah kata bijak bestari, jika mahu menghapuskan kemiskinan, berilah batang pancing dan mata kail, bukannya ikan kepada si miskin.

Najib berkata, projek yang dijalankan di Balai Raya Kuala Pahang itu berbeza dengan industri kampung lain kerana rangkaianannya lengkap, iaitu bermula dari program latihan kemahiran, penyediaan mesin, pengawalan kualiti dan pemasaran produk.

Katanya, permintaan bagi hasil jahitan mereka iaitu kemeja-T dan pakaian tidur sudah tersedia untuk dipasarkan di rangkaian pasar raya tersohor, World-Mart yang mempunyai 500 cawangan di seluruh AS.

"Pendekatan ini amat sesuai dengan falsafah satu kampung satu industri yang diperkenalkan kerajaan.

"Kita jangkakan melalui program ini, masalah kemiskinan dapat diatasi pada peringkat akar umbi supaya mereka boleh menjadi individu berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan atau subsidi kerajaan.

"Inilah satu cara yang sebaik-baiknya, kerana mereka akan berasa mereka sebenarnya boleh mengubah nasib jika sanggup menguasai kemahiran baru.

"Kita dapati isteri dan anak nelayan Kuala Pahang boleh dilatih menggunakan mesin yang canggih dan dalam masa sebulan saja, mereka boleh menjadi pekerja cekap dan mahir," katanya.

Mengimbas detik mula projek itu, Najib berkata: "Saya sudah lama memikirkan bagaimana mahu memecahkan belenggu kemiskinan penduduk Kuala Pahang ini.

"Apabila Pengerusi YSM, Hashim Tan Abdullah mencadangkan kepada saya supaya wanita di kawasan itu dihantar berlatih menjahit dan kemudian ditawarkan peluang kerja, saya yakin ia satu langkah terbaik dan perlu dilaksanakan segera."

Berlandaskan cadangan Hashim itulah, kumpulan pertama seramai 35 peserta dihantar menjalani latihan sepenuh masa selama sebulan di syarikat itu di Muar, Johor, pada 25 Mei lalu, diikuti kumpulan kedua 30 orang, 11 Julai lalu.

Bermula hanya dengan mengenali jarum dan benang, kini semua peserta terbabit sudah mampu menjahit pakaian menggunakan mesin jahit elektronik yang canggih.

Kalau sebelum ini rezeki keluarga nelayan di sini bergantung kepada

hasil laut yang tidak menentu, ditambah pula musim tengkujuh selama tiga bulan, kini isteri atau anak mereka sekurang-kurangnya dapat membawa balik RM15 hingga RM20 sehari dengan bekerja di pusat jahitan ini.

Hashim berkata, projek satu kampung satu produk di Kuala Pahang ini boleh diperluaskan jika semua pihak, iaitu penduduk kampung, agensi kerajaan, pemimpin politik dan sektor swasta, menunjukkan komitmen tinggi.

"Sejak saya berulang alik ke sini tiga bulan lalu, saya lihat rata-rata penduduk di sini sudah membuka mata untuk mengubah cara hidup dan persepsi mereka terhadap usaha kerajaan membantu mereka.

"Insya-Allah, hari ini industri kecil ini menjadi kenyataan dan lebih 100 orang miskin dapat bekerja dan menerima gaji bulanan," katanya.

YSM adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 2001 sebagai yayasan yang bertujuan mengusahakan amal jariah dan memupuk nilai moral yang tinggi.

Objektif utama YSM ialah membudayakan konsep beramal jariah di kalangan masyarakat yang berkemampuan terhadap golongan memerlukan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Anata, David Teo, berkata pembinaan pusat jahitan yang menempatkan 51 mesin itu adalah kilang mini pertama seumpamanya di luar Johor.

Katanya, selepas melatih dua kumpulan penduduk Kuala Pahang baru-baru ini, pihaknya tidak ragu-ragu lagi dengan kebolehan mereka menjadi pekerja separuh mahir dan mahir.

"Selama ini, ada pandangan serong bahawa pekerja Melayu tidak boleh berjaya dalam bidang jahitan. Tetapi, hari ini kita mahu membuktikan bahawa orang Melayu juga setanding pekerja profesional, asalnya mereka bersungguh-sungguh dan berminat," katanya.

Beliau berkata, Anata akan meneruskan komitmennya di Kuala Pahang serta di kawasan pedalaman lain sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya, khususnya menjayakan falsafah satu kampung satu produk.

Katanya, selain latihan, pihaknya akan terus menyediakan bahan mentah, pengawalan kualiti dan pemasaran produk dari Kuala Pahang.

"Meskipun kilang mini di Kuala Pahang itu hanya mampu memperoleh keuntungan selepas setahun, berita paling menggembirakan ialah produknya akan dieksport terus menggunakan jenama terkenal," katanya.

Teo berkata, buat permulaan kapasiti pengeluaran pusat jahitan itu menghasilkan ialah 1,500 hingga 2,000 dozen kemeja-T dan pakaian tidur sebulan.